**5. Pendapatan Minimum**

5.1 Pendapatan minimum (tetap serta pendapatan pelbagai yang dibuktikan) bagi Pemegang Akaun individu adalah seperti yang berikut atau apa-apa keperluan pendapatan yang lebih tinggi seperti yang akan ditentukan oleh Bank.

Klasik – RM24,000 setahun
Emas – RM48,000 setahun
Platinum – RM100,000 setahun

5.2 Bank boleh, mengeluarkan Kad kepada orang yang tidak dapat membuktikan pendapatan tahunannya, tetapi memenuhi keperluan umur minimum, dengan menghendaki Pemegang Akaun meletakkan deposit tetap bagi amaun yang setara dengan had kredit yang diberikan kepada orang itu. Deposit tetap hendaklah dikekalkan dengan Bank selagi kemudahan kad kredit boleh digunakan.

**6. Had Kredit**

6.1 Pemegang Akaun akan diperuntukkan had kredit untuk penggunaan Kad. Had kredit bagi Akaun Kad tertakluk kepada had kredit yang ditetapkan oleh Bank, dan diberitahu kepada Pemegang Akaun dan setiap Ahli Kad. Jika Pemegang Akaun mempunyai dua Kad atau lebih, Pemegang Akaun akan diperuntukkan had kredit yang mewakili jumlah had kredit yang diberikan untuk meliputi penggunaan semua Kad yang dipegang oleh Ahli Kad walau apa pun had kredit dapat digunakan yang sedia ada untuk setiap Kad. Had kredit pelanggan dengan had kredit dapat digunakan yang sedia ada untuk setiap Kad akan ditunjukkan dalam Penyata. Had kredit itu boleh diubah oleh Bank menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya dengan terlebih dahulu memberikan notis tiga (3) hari kerja kepada Ahli Kad. Apa-apa had kredit baharu hendaklah diberitahu kepada Pemegang Akaun sama ada melalui notis atau Penyata. Perubahan had kredit itu boleh berkuat kuasa sebelum penerimaan notis oleh Pemegang Akaun.

6.2 Ahli Kad boleh memohon penyemakan had kreditnya yang diperuntukkan untuk Akaun Kad yang berkenaan pada bila-bila masa dengan menghubungi Bank melalui telefon atau melalui arahan bertulis kepada Bank ke alamat atau nombor faks yang ditetapkan oleh Bank. Apa-apa permohonan untuk

perubahan had kredit Ahli Kad tertakluk kepada penilaian kredit oleh Bank dan Bank tidak akan diwajibkan untuk meluluskan permohonan.

6.3 Bank boleh, menurut budi bicara tunggalnya (tetapi tidak akan diwajibkan untuk) membenarkan Urus Niaga Kad dilakukan melebihi had kredit untuk Akaun Kad yang berkenaan tanpa mengetepikan hak Bank di bawah Perjanjian ini.

6.4 Bank juga boleh menolak untuk membenarkan apa-apa Urus Niaga Kad yang ingin dilakukan oleh Ahli Kad walaupun Urus Niaga Kad itu tidak akan menyebabkan ia melebihi had kredit.

**7. Penggunaan Kad**

7.1 Tertakluk kepada fasal 7.4, Kad boleh digunakan di mana-mana cawangan Bank dan institusi kewangan dan saudagar lain yang menerima Kad tersebut untuk melakukan pembelian barangan dan perkhidmatan, mengeluarkan pendahuluan tunai (sehingga maksimum RM5,000 (sehari) atau amaun tertentu seperti yang akan diputuskan oleh Bank dari semasa ke semasa), membayar akaun Ahli Kad yang belum jelas dengan mana-mana bank atau pengeluar kad kredit lain di Malaysia selain Bank itu melalui Pindahan Baki dan kemudahan atau perkhidmatan kad kredit tertentu yang lain seperti yang disediakan atau diuruskan oleh Bank dari semasa ke semasa.

7.2 Tertakluk kepada fasal 7.4, Ahli Kad boleh mendapatkan pendahuluan tunai maksimum RM5,000 (sehari) atau amaun tertentu seperti yang akan diputuskan oleh Bank dari semasa ke semasa melalui cara yang berikut:-

(a) mengemukakan Kad di mana-mana cawangan Bank atau mana-mana institusi ahli Visa bersama dengan bukti pengenalan Ahli Kad dan menandatangani rekod urus niaga yang perlu; atau

(b) menggunakan Kad di mana-mana ATM Bank atau ATM bagi mana-mana bank atau institusi lain yang dengannya Bank mempunyai pengaturan untuk menggunakan ATM bagi bank atau institusi tersebut (iaitu amaun bagi setiap pendahuluan akan selanjutnya tertakluk kepada had pengeluaran harian yang terpakai yang dikenakan oleh bank atau institusi kewangan lain tersebut).

Bagi semua urus niaga antara negara melalui ATM dan/atau mana-mana ahli institusi Visa kadar pertukaran (jika berkenaan) hendaklah kadar pertukaran lazim yang akan ditentukan oleh Bank dan semua urus niaga itu tidak boleh melanggar undang-undang sedia ada di negara di mana urus niaga itu dilakukan. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pengeluaran kredit yang melebihi had dalam Akaun Kad melalui penggunaan Kad atau melalui permohonan kepada Bank untuk mengeluarkan cek kepada Ahli Kad untuk pengeluaran tersebut hendaklah dianggap sebagai pendahuluan tunai dan semua terma dan syarat berkaitan dengan pendahuluan itu hendaklah terpakai kepada pengeluaran dana tersebut. Penggunaan Kad oleh Ahli Kad untuk mendapatkan pendahuluan tunai hendaklah dianggap sebagai membentuk persetujuan Ahli Kad untuk membayar faedah ke atas setiap pendahuluan tunai dan fi pendahuluan tunai seperti yang akan ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Penyata akan menunjukkan faedah yang terakru ke atas pendahuluan tunai sehingga tarikh pembayaran balik sepenuhnya dan fi pendahuluan tunai.

7.3 Kad juga boleh digunakan untuk mengakses maklumat akaun bank Ahli Kad dengan Bank, dan Ahli Kad tersebut bersetuju bahawa perkhidmatan tersebut tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat berkaitan bagi Bank yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa selain terma dan syarat di bawah Perjanjian ini. Setiap Ahli Kad dinasihatkan supaya membaca seluruh terma dan syarat Bank sebelum meneruskan penggunaan perkhidmatan tersebut.

7.4 Setiap Ahli Kad hendaklah menggunakan Kad, dan Pemegang Akaun hendaklah memastikan setiap Ahli Kad menggunakan Kad:

(a) supaya had kredit bagi setiap Akaun Kad (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa had pendahuluan tunai atau had ke atas amaun Pindahan Baki) dari semasa ke semasa yang diberitahu oleh Bank kepada Pemegang Akaun seperti yang terpakai kepada Akaun Kad itu tidak melebihi had; dan

(b) masih dalam tarikh sah laku (jika ada) dan tarikh tamat tempoh yang dicetak timbul pada Kad.

7.5 Hak Ahli Kad untuk menggunakan Kad akan digantung:

(a) jika Kad itu hilang atau dicuri: atau

(b) jika Bank dimaklumkan oleh Ahli Kad yang PIN diketahui atau mungkin diketahui oleh mana-mana Orang lain; atau

(c) jika diminta oleh Bank atau ejen Bank yang sah.

7.6 Ahli Kad hendaklah memastikan amaun Urus Niaga Kad betul sebelum Ahli Kad memasukkan PIN atau menandatangani baucar jualan atau rekod urus niaga yang diberikan kepada Ahli Kad oleh saudagar atau institusi kewangan apabila Ahli Kad menggunakan Kad dan sebelum Ahli Kad memasukkan PIN

atau nombor pengenalan atau kata laluan yang lain di kemudahan perbankan elektronik atau Internet. Dengan menandatangani baucar atau laporan urus niaga atau memasukkan PIN atau nombor pengenalan atau kata laluan yang lain di kemudahan perbankan elektronik atau Internet, Ahli Kad menunjukkan penerimaannya bahawa amaun Urus Niaga Kad adalah betul, tetapi tandatangan tidak boleh menjadi prasyarat bagi liabiliti Ahli Kad berhubung dengan urus niaga pembelian.

7.7 Tertakluk kepada Fasal 16.2 di bawah, kegagalan Ahli Kad untuk menandatangani apa-apa baucar jualan atau pendahuluan tunai tidak akan melepaskan Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad itu daripada liabiliti terhadap Bank berhubung dengannya, termasuk obligasi untuk membayar Bank semua baki perlu dibayar pada Akaun Kad seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian ini.

7.8 Ahli Kad hendaklah segera menghubungi pihak Bank sekiranya menerima pensanan ringkas (SMS) berkenaan urus niaga yang bukan diarahkan oleh Ahli Kad

7.9 Pemegang Akaun dan mana-mana Ahli Kad boleh memohon supaya pembaharuan dan/atau penggantian Kad dikeluarkan kepada setiap Ahli Kad selepas Kad tamat tempoh, hilang atau dicuri. Bank tidak mempunyai obligasi untuk mengeluarkan kad yang dibaharui atau yang diganti dan, jika mana-mana kad yang dibaharui dan/atau yang diganti dikeluarkan, Bank berhak mengenakan caj bagi fi yang berkaitan.

7.10 (a) Bank boleh, pada bila-bila masa, menamatkan apa-apa hak bagi mana-mana Ahli Kad untuk menggunakan Kadnya untuk mengakses akaun banknya dengan Bank.

(b) Bank akan memberitahu mana-mana Ahli Kad secara bertulis tentang penamatan tersebut yang dirujuk dalam Fasal 7.10(a), dan Ahli Kad itu hendaklah dengan segera mengembalikan Kad tersebut, yang sepatutnya dipotong dua atau dirosakkan, kepada Bank. Sehingga Kad itu dikembalikan kepada Bank, dan Kad ganti dikeluarkan menurut Fasal 7.10(c) di bawah, hak menggunakan Kadnya oleh Ahli Kad itu akan digantung.

(c) Jika Ahli Kad telah mengembalikan Kad tersebut menurut Fasal 7.10(b) di atas, Bank akan mengeluarkan Kad ganti kepada Ahli Kad itu, yang dengan itu Ahli Kad tidak boleh lagi mengakses maklumat akaun banknya yang terdahulu yang telah ditamatkan oleh Bank.

7.11 Kad tidak boleh dipindah milik dan Ahli Kad tidak boleh membenarkan Kadnya digunakan oleh mana-mana orang lain walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Kad tidak boleh disandarkan oleh Ahli Kad sebagai sekuriti walau untuk apa-apa tujuan sekalipun.

7.12 Setiap Ahli Kad mengaku janji untuk bertindak dengan suci hati pada setiap masa berkaitan dengan semua urusan dengan Bank.

7.13 Ahli Kad tidak boleh menggunakan Kad atau Akaun Kad untuk apa-apa tujuan dan/atau aktiviti yang menyalahi undang-undang. Apa-apa aktiviti pertaruhan dan/atau perjudian dalam talian yang menyalahi undang-undang juga dilarang. Bank berhak, menolak untuk bertindak atau melaksanakan apa-apa arahan Urus Niaga Kad jika Bank mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa arahan tersebut diberikan berkaitan dengan apa-apa urus niaga dan/atau aktiviti yang menyalahi undang-undang. Bank berhak menarik balik atau membatalkan apa-apa Urus Niaga Kad yang disyaki atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa ia adalah untuk tujuan atau berkaitan dengan apa-apa urus niaga dan/atau aktiviti yang menyalahi undang-undang. Kredit bagi apa-apa kemenangan, cip yang tidak digunakan, atau nilai lain yang boleh digunakan untuk urus niaga perjudian tidak akan diterima atau dikreditkan ke dalam Akaun Kad. Ahli Kad bersetuju bahawa Bank tidak mempunyai apa-apa kewajipan dan/atau obligasi sekalipun terhadapnya untuk memantau atau menyekat penggunaan Kad untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang. Walau bagaimanapun, jika Bank mengesan aktiviti luar biasa atau meragukan ke atas Akaun Kad bagi Ahli Kad, Bank akan menggantung sementara keistimewaan kredit Ahli Kad sehingga Bank boleh mengesahkan aktiviti itu. Jika Bank mendapati Kad telah digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank berhak menghentikan penggunaan Kad dengan segera tanpa memberikan notis kepada Ahli Kad terlebih dahulu. Pemegang Akaun mengaku janji untuk menanggung rugi dan melepaskan Bank, pegawai Bank, pengarah dan pekerja daripada dan terhadap apa-apa dan semua kerugian, tuntutan, ganti rugi, liabiliti, obligasi, kos, fi dan perbelanjaan sekalipun (termasuk fi guaman) yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada penggunaan Kad oleh Ahli Kad untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.

7.14 Ahli Kad tidak boleh menggunakan Kad untuk tujuan perniagaan dan/atau komersil yang dianggap sebagai tidak boleh diterima oleh Bank dan Bank berhak menyekat kebenaran menggunakan Kad untuk aktiviti tersebut.

7.15 Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis kepada Ahli Kad untuk membataskan atau mengehadkan kredit Ahli Kad atau menolak ataupun menangguhkan kredit.

7.16 Jika Ahli Kad menggunakan Kad untuk membeli barangan dan/atau perkhidmatan melalui laman atau portal Internet dalam talian, Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan penggunaan itu pada setiap masa. Ahli Kad bersetuju bahawa masukan bagi maklumat Kad di Internet hendaklah menjadi bukti yang cukup tentang kesahan arahan tersebut. Bank tidak mempunyai apa-apa obligasi untuk mengesahkan identiti atau kebenaran bagi orang yang memasukkan maklumat Kad dan Bank tidak bertanggungan untuk bertindak ke atas penggunaan Kad tersebut tanpa mengambil kira sama ada orang itu dibenarkan atau tidak dan tanpa mengambil kira keadaan yang wujud pada masa urus niaga itu. Walau bagaimanapun, Bank mempunyai budi bicara untuk tidak menjalankan apa-apa urus niaga tertentu melalui Internet jika Bank mempunyai apa-apa alasan untuk meragui kesahannya atau jika pada pendapat Bank, urus niaga itu menyalahi undang-undang ataupun tidak wajar berbuat demikian atau atas apa-apa alasan lain.

7.17 Tertakluk kepada fasal 16.2 dan 17.2, jika berlaku penamatan bagi penggunaan Kad oleh Ahli Kad, Ahli Kad hendaklah terus bertanggungan untuk amaun bagi mana-mana Urus Niaga Kad yang dilakukan melalui penggunaan Kad (sama ada sebelum atau selepas penamatan Kad), termasuk Urus Niaga Kad yang telah dilakukan tetapi belum dimasukkan ke dalam Akaun Kad dan juga Urus Niaga yang timbul daripada mana-mana skim pesanan mel atau telefon, arahan tetap sedia ada atau walau apa-apa cara sekalipun, yang dibuat atau bertujuan dibuat oleh Ahli Kad kepada syarikat saudagar untuk bekalan barangan dan perkhidmatan serta dicajkan kepada Akaun Kad. Menjadi kewajipan dan tanggungjawab Ahli Kad sepenuhnya untuk memberitahu saudagar dan membatalkan apa-apa arahan tetap yang sedia ada sebelum atau apabila berlaku penamatan Kad. Selepas penamatan penggunaan Kad, Ahli Kad hendaklah dengan serta-merta mengembalikan Kad, yang sepatutnya dipotong dua atau dirosakkan, kepada Bank atas kos dan perbelanjaan Ahli Kad sendiri. Kad yang tidak dikembalikan tidak boleh dalam apa jua keadaan mengesahkan Kad itu.

7.18 Ahli Kad hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga dan usaha yang munasabah untuk mencegah penggunaan tidak dibenarkan ke atas Kad lama bagi Ahli Kad apabila Kad yang rosak diganti, pembaharuan awal Kad tamat tempoh dan naik taraf Kad sedia ada. Bagi mencegah penggunaan tidak dibenarkan, Ahli Kad hendaklah memusnahkan Kad yang rosak/tamat tempoh/usang dengan memotongnya kepada beberapa bahagian bagi memastikan cip dan jalur magnet dimusnahkan sepenuhnya sebelum melupuskan Kad. Semua Caj yang timbul daripada semua Urus Niaga Kad yang dilakukan melalui penggunaan Kad, apabila tidak dilupuskan dengan sewajarnya tanpa mematuhi Perjanjian ini, termasuk semua pengeluaran dan pendahuluan tunai hendaklah dianggap sebagai telah dibuat oleh Ahli Kad dan Ahli Kad hendaklah bertanggungan terhadap semua Caj itu. Tanpa menjejaskan hak Bank dan walaupun Ahli Kad mungkin telah mengambil semua langkah dan usaha yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan atau kecurian atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan, Ahli Kad hendaklah terus bertanggungan terhadap Bank jika Ahli Kad telah bertindak secara fraud, iaitu Ahli Kad terlibat dalam pemerolehan barangan atau perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana saudagar, urus niaga pendahuluan tunai atau urus niaga ATM yang dilakukan melalui penggunaan kad lama yang belum tamat tempoh.

7.19 Ahli Kad tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa Urus Niaga Kad tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan PIN jika anda tidak:

(i). bertindak secara menipu atau dengan kecuaian melampau;
(ii). gagal untuk memaklumkan kehilangan Kad kepada Bank dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktikal setelah mendapati bahawa Kad telah hilang atau dicuri;
(iii). dengan sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain;
(iv). menulis nombor PIN di atas kad atau mana-mana tempat yang berdekatan dengan tempat simpanan kad tersebut.

Anda tidak bertanggngjawab ke atas apa-apa Urus Niaga Kad tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandangan atau kad tanpa sentuh jika anda tidak:

(i). bertindak secara menipu atau dengan kecuaian melampau;
(ii). gagal untuk memaklumkan kehilangan Kad kepada Bank dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktikal setelah mendapati bahawa Kad telah hilang atau dicuri;
(iii). meletak/meninggalkan kad atau barangan yang mengandungi kad anda tanpa jagaan di tempat yang terdedah dan boleh diakses oleh orang lain;
(iv). membenarkan dengan sukarela bagi orang lain menggunakan kad kredit

## 8. Kad Tambahan

Bank boleh mengeluarkan Kad tambahan kepada Ahli Kad (selain Pemegang Akaun) atas permohonan bersama Pemegang Akaun dan Ahli Kad. Pemegang Akaun hendaklah bertanggungan terhadap

penggunaan Kad Pemegang Akaun dan apa-apa Kad Tambahan yang dikeluarkan kepada Ahli Kad (selain Pemegang Akaun) atas permohonan bersama Pemegang Akaun dan Ahli Kad. Pemegang Akaun hendaklah secara bersama dan berasingan dengan Ahli Kad (yang dengannya Caj itu berkaitan) bertanggungan terhadap jumlah amaun Caj yang perlu dibayar kepada Bank berhubung dengan Akaun Kad. Kad tambahan akan sah selagi Kad itu sah. Apabila berlaku penamatan Kad atas apa-apa sebab sekalipun, penggunaan Kad tambahan juga akan ditamatkan. Ahli Kad tambahan boleh, pada setiap masa, menggunakan Kad Tambahan dengan syarat Caj agregat ke atas Kad dan Kad Tambahan tidak melebihi had kredit Ahli Kad dan had kredit pelanggan dan Caj ke atas Kad tambahan tidak melebihi had kredit yang diperuntukkan kepada Kad tambahan (apabila berkenaan). Jika Pemegang Akaun telah menyenaraikan barisan kredit berasingan untuk Kad tambahan, semua amaun yang dicajkan kepada Kad tambahan itu akan dipindahkan kepada Akaun Kad bagi Pemegang Akaun pada tarikh penyata yang berikutnya. Oleh itu dan tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian ini, Ahli Kad tambahan boleh menggunakan Kad tambahan sehingga keseluruhan amaun had kredit yang dicadangkan untuk Kad tambahan selepas tarikh penyata.

**9. Maklumat Ahli Kad**

9.1 Pemegang Akaun dan mana-mana Ahli Kad hendaklah memberitahu Bank dengan serta-merta secara bertulis tentang apa-apa perubahan nombor telefon, pekerjaan, perniagaan, alamat kediaman, alamat tempat kerja, alamat e-mel, dan apa-apa perubahan tentang kedudukan peribadi atau kewangan yang mungkin penting kepada Bank dalam membenarkan penggunaan atau meneruskan penggunaan Kad.

9.2 Setiap Ahli Kad bersetuju dengan tindakan Bank merakamkan apa-apa perbualan telefon atau komunikasi lisan antara Ahli Kad dengan Bank.

9.3 Bank berhak mendedahkan kepada mana-mana saudagar yang kepadanya Kad boleh dikemukakan atau mana-mana institusi ahli Visa, nombor akaun dan apa-apa maklumat lain yang mungkin perlu untuk memudahkan penggunaan Kad atau memproses apa-apa urus niaga yang dilakukan atau akan dilakukan melalui penggunaan Kad.

**10. PIN**

10.1 Ahli Kad dihendaki memilih PIN yang diinginkan semasa mengaktifkan Kad. PIN yang dipilih akan terus berkuatkuasa sehingga ia dibatalkan oleh, atau dengan persetujuan, Bank. Ahli Kad tidak boleh memilih PIN dari tarikh hari jadi anda, nombor kad pengenalan, paspot, lessen memandu atau nombor telefon. Ahli Kad boleh menukar PIN pada bila-bila masa melalui cara tertentu seperti yang akan ditetapkan oleh Bank dan PIN baharu hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

10.2 Ahli Kad tidak boleh mendedahkan PIN Kad kepada mana-mana Orang lain di bawah apa-apa keadaan atau melalui walau apa-apa cara sekalipun sama ada secara sukarela atau sebaliknya. Ahli Kad hendaklah bertindak dengan suci hati, melaksanakan penjagaan dan usaha yang munasabah dan mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan PIN tersebut rahsia dan sulit dan bagi mengelakkan apa-apa kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan. Ahli Kad tidak boleh menyimpan apa-apa rekod bertulis tentang PIN di mana-mana tempat atau mana-mana tempat yang berdekatan dengan tempat simpanan Kad tersebut atau cara yang membolehkan pihak ketiga mempunyai akses dan/atau menggunakan Kad.Kegagalan mematuhi keperluan ini akan mendedahkan Ahli Kad kepada akibat kecurian dan/atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan, yang ke atasnya Bank tidak akan dalam apa-apa cara pun bertanggungan. Ahli Kad hendaklah melepaskan Bank daripada semua tuntutan dan liabiliti daripada semua pihak mana-mana sekalipun yang timbul daripada penggunaan PIN sama ada dibenarkan atau sebaliknya.

10.3 Jika Ahli Kad menyedari yang PIN diketahui atau mungkin diketahui oleh Orang lain, dia hendaklah seberapa segera dan semunasabah yang mungkin memaklumkan Bank atau menelefon Talian Penting. Ahli Kad tersebut hendaklah menukar PIN secepat mungkin (jika berkenaan). Jika Kad menggabungkan kemudahan yang membolehkan Kad tersebut digunakan untuk mengakses akaun bank Ahli Kad dengan Bank dengan menggunakan PIN, Ahli Kad itu hendaklah juga seberapa segera dan semunasabah yang mungkin memaklumkan Bank melalui talian penting kehilangan kad Bank 24 jam atau melalui apa-apa cara lain yang diterima oleh Bank menurut terma dan syarat Bank yang mengawal akaun bank tersebut.

**11. Fi, dan Caj**

11.1 Bank boleh mendebitkan fi, caj dan perbelanjaan yang berikut ke dalam Akaun Kad:

(a) fi kemasukan awal dan/atau tahunan untuk penggunaan Akaun Kad yang berkenaan dan setiap Kad (yang mungkin berbeza bergantung pada jenis Kad). Penepian fi tahunan adalah menurut budi bicara Bank. Kegagalan membayar fi tahunan akan menyebabkan penamatan Kad;
(b) fi penggantian kad;
(c) fi penukaran untuk urus niaga mata wang asing;
(d) fi urus niaga untuk setiap pendahuluan tunai;
(e) caj kewangan yang dikira pada asas harian ke atas setiap pendahuluan tunai dan terakru dari tarikh pendahuluan itu sehingga tarikh apabila pendahuluan tunai itu dibayar balik sepenuhnya;
(f) caj kewangan yang dikira pada asas harian ke atas amaun bagi setiap Pindahan Baki dan terakru dari tarikh Pindahan Baki yang berkenaan dibuat sehingga tarikh apabila Pindahan Baki itu dibayar balik sepenuhnya;
(g) caj kewangan dikira pada asas harian ke atas Caj belum jelas (selain pendahuluan tunai dan Pindahan Baki, apabila subperenggan (e) dan (f) di atas terpakai), dan caj kewangan yang dinyatakan dalam subperenggan ini dari tarikh urus niaga hingga ke tarikh Penyata semasa kecuali Bank (yang berkaitan dengan Akaun Kad yang berkenaan) menerima sepenuhnya jumlah amaun yang perlu dibayar seperti yang ditetapkan dalam Penyata itu pada atau sebelum Tarikh Bayaran Perlu Dibayar yang dinyatakan dalam Penyata itu; jika jumlah amaun perlu dibayar seperti yang ditetapkan dalam Penyata terakhir tidak diterima oleh Bank (yang berkaitan dengan Akaun Kad yang berkenaan) pada tarikh genap tempoh terakhir yang dinyatakan dalam Penyata itu, caj kewangan yang kena dibayar di bawah subperenggan (g) ini hanya akan terpakai kepada Caj (selain pendahuluan tunai dan Pindahan Baki seperti yang dinyatakan sebelum ini) yang ditanggung sebelum tarikh Penyata terakhir seperti dari tarikh berkenaan bagi Caj tersebut ditanggung, walaupun Caj itu tidak akan dibayar sehingga Tarikh Bayaran Perlu Dibayar yang ditetapkan dalam Penyata Semasa, urus niaga baharu (selain pendahuluan tunai dan Pindahan Baki seperti yang dinyatakan sebelum ini) yang ditanggung antara tarikh Penyata terakhir dengan Penyata semasa, berhak diberikan tempoh tangguh pembayaran balik tertakluk kepada Bank;
(h) caj bayaran lewat, jika pada bila-bila masa Bayaran Minimum tidak dibayar pada Tarikh Bayaran Perlu Dibayar terakhir seperti yang ditetapkan dalam Penyata;
(i) caj “lebih had” jika apa-apa had kredit atau had pendahuluan tunai atau had bagi amaun Pindahan Baki yang terpakai kepada Kad itu melebihi had;
(j) caj pengendalian untuk pembekalan salinan tambahan bagi Penyata;
(k) caj pengendalian untuk pembekalan draf jualan asal atau salinan draf jualan;
(l) fi perkhidmatan untuk pertanyaan baki kredit berhubung dengan Akaun Kad.
(m) fi perkhidmatan untuk pengeluaran di ATM dengan menggunakan Kad.
(n) apa-apa jenis cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada Cukai Perkhidmatan), duti, komisyen yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa;
(o) fi, caj dan perbelanjaan lain, pada kadar tertentu dan dalam amaun tertentu seperti yang akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

Fi, caj dan perbelanjaan bagi Bank adalah pada kadar yang akan ditetapkan atau diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah garis panduannya (atau kadar tertentu yang lain yang mungkin lebih rendah seperti yang akan ditentukan oleh kami menurut budi bicara kami sendiri) yang terkandung dalam “Jadual Fi Kad Kredit Visa ICBC” (“Jadual Fi”), dan salinan Jadual Fi yang sedang dikuatkuasakan akan dibekalkan dengan Perjanjian ini.

11.2 Akaun Kad boleh didebitkan seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 11.1 di atas walaupun Caj ditanggung (tanpa had) melalui (i) telefon, faks, pesanan mel atau kebenaran debit langsung, atau (ii) menggunakan Kad menerusi Internet, di ATM, di titik terminal jualan saudagar, telefon bayaran kad kredit atau apa-apa kemudahan lain (jika ada) yang membenarkan penggunaan kad tanpa melaksanakan draf jualan atau tandatangan Pemegang Akaun atau mana-mana Ahli Kad.

11.3 Setiap Ahli Kad bertanggungan terhadap Bank bagi jumlah amaun Caj yang berpunca daripada penggunaan Kad oleh dirinya sendiri. Bank mempunyai budi bicara penuh dalam mendapatkan kembali semua apa-apa Caj yang ditanggung oleh Ahli Kad tambahan sama ada daripada Pemegang Akaun atau Ahli Kad tambahan atau kedua-duanya. Ahli Kad tambahan tidak bertanggungan terhadap semua penggunaan mana-mana Kad oleh mana-mana Ahli Kad yang lain atau oleh Pemegang Akaun.

11.4 Caj yang ditanggung dalam atau ditukar kepada Ringgit Malaysia akan dimasukkan ke dalam Akaun Kad.

11.5 Apabila Ahli Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, Urus Niaga hendaklah dicajkan dalam mata wang rasmi bagi negara yang berkenaan dan ditukar kepada Ringgit Malaysia Transaksi yang dibuat dalam

mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa. Selain itu, anda juga perlu membayar Penyebaran Pertukaran Asing sebanyak 1% daripada jumlah Ringgit Malaysia yang ditukar untuk penukaran mata wang asing bagi transaksi yang dibuat. Pertukaran tersebut boleh berbeza dengan kadar yang digunakan pada tarikh urus niaga disebabkan oleh turun naik pasaran. Kadar yang dikenakan adalah muktamad and konklusif dan anda hendaklah menanggung semua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj bank.

**12. Bayaran**

12.1 Tertakluk kepada Fasal 12.2, bayaran kepada Akaun Kad Ringgit Malaysia hendaklah dalam Ringgit Malaysia dan bayaran kepada Akaun Kad Renminbi hendaklah dalam Renminbi.

12.2 Bayaran Akaun Kad:

(a) Caj dalam Akaun Kad hendaklah diselesaikan dalam Ringgit Malaysia di mana-mana cawangan Bank di Malaysia atau melalui cara lain seperti yang diberitahu oleh Bank dari semasa ke semasa.

(b) Bank boleh (kecuali tetapi tanpa apa-apa obligasi) menerima mata wang asing yang lain untuk bayaran kepada Akaun Kad.

(c) Jika bayaran menurut fasal 12.3(b) di atas, mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar penukaran yang disebut oleh Bank seperti yang terpakai pada hari penukaran.

(d) Jika amaun dalam Ringgit Malaysia selepas penukaran daripada mata wang asing lain tidak dapat menampung jumlah belum jelas dalam Akaun Kad, Pemegang Akaun dan Ahli Kad (yang berkaitan dengan Caj dalam Ringgit Malaysia itu) hendaklah terus bertanggungan terhadap apa-apa perbezaan yang disebabkan oleh penukaran mata wang tersebut.

12.3 Semua bayaran oleh Ahli Kad:-

(a) hendaklah dianggap sebagai tidak dibuat hingga ke masa tertentu apabila dana yang berkaitan telah diterima dalam dana yang dijelaskan dan tersedia oleh Bank yang berkaitan dengan bayaran tersebut;

(b) hendaklah dibayar tanpa apa-apa penolakan atau penangguhan ke atas akaun bagi walau apa-apa amaun lain sekalipun, sama ada melalui tolak selesai, tuntutan balas atau selainnya, dan tanpa menyentuh apa-apa batasan undang-undang, ketakdayaan atau ketakupayaan mana-mana Orang.

(c) bayaran kepada Akaun Kad boleh digunakan untuk pembayaran baki yang mempunyai kadar faedah tertinggi atau selagi dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia dalam cara lain yang tertentu seperti yang dianggap wajar oleh Bank (yang berkaitan dengan bayaran tersebut).

12.4 Semua bayaran ke dalam atau kredit yang dibuat kepada Akaun akan digunakan oleh Bank menurut Fasal 12.3, dan jika bayaran melebihi baki belum jelas bagi Caj berhubung dengan Akaun Kad yang berkenaan, maka lebihan itu akan digunakan untuk membiayai Urus Niaga Kad atau Caj akan datang sebagaimana dan apabila dana itu didebitkan kepada Akaun Kad tersebut. Apa-apa baki kredit dalam Akaun Kad tidak boleh, dalam apa-apa keadaan, menghasilkan faedah.

12.5 Bank boleh, menghendaki Pemegang Akaun atau Ahli Kad membayar Caj dengan segera pada atau sebelum Tarikh Bayaran Perlu Dibayar atau apabila diminta oleh Bank. Sehingga keperluan atau permintaan itu, Pemegang Akaun atau Ahli Kad boleh membuat bayaran separa atau bayaran penuh bagi Caj pada atau sebelum Tarikh Bayaran Perlu Dibayar. Bayaran separa minimum adalah Bayaran Minimum.

12.6 Jika Ahli Kad dan/atau Pemegang Akaun dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau peraturan yang terpakai untuk membuat apa-apa penolakan atau penangguhan daripada apa-apa jumlah kena dibayar oleh Ahli Kad dan/atau Pemegang Akaun itu kepada Bank menurut dokumen ini, maka liabiliti berhubung dengan penolakan atau penangguhan itu hendaklah menjadi liabiliti Ahli Kad dan/atau Pemegang Akaun itu sehingga selepas membuat penolakan atau penangguhan itu, bayaran bersih hendaklah sama dengan amaun yang sepatutnya diterima oleh Bank jika tiada penolakan atau penangguhan dibuat. Menjadi tanggungjawab Ahli Kad dan/atau Pemegang Akaun tersebut sepenuhnya untuk membuat bayaran bagi penolakan atau penangguhan itu kepada pihak berkuasa yang berkaitan dalam had masa yang terpakai dan Ahli Kad dan juga Pemegang Akaun tersebut hendaklah menanggung rugi Bank terhadap semua tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, ganti rugi, kerugian, kos dan perbelanjaan termasuk semua fi guaman dan pembayaran yang dikemukakan terhadap atau ditanggung oleh Bank tersebut bagi semua akibat kerana kegagalan Ahli Kad atau Pemegang Akaun tersebut untuk berbuat demikian.

**13. Rekod**

13.1 Tertakluk kepada Fasal 13.3 dan 13.4 di bawah, rekod Bank bagi amaun untuk mana-mana Caj, walau bagaimana ditanggung sekalipun, hendaklah, sama ada dibenarkan oleh Ahli Kad atau tidak, tanpa ralat ketara, hendaklah muktamad dan mengikat Pemegang Akaun dan Ahli Kad tersebut, dan rekod Bank bagi amaun apa-apa Caj yang ditanggung dengan menggunakan PIN, melalui Internet, atau melalui ATM, terminal titik jualan, terminal komputer lain atau apa-apa peranti telekomunikasi hendaklah mengikat Pemegang Akaun dan setiap Ahli Kad.

13.2 Jika Urus Niaga Kad tidak berasal daripada draf jualan, Bank berhak mendebitkan amaun bagi Urus Niaga Kad tersebut kepada Akaun Kad yang berkenaan seolah-olah ia telah diserahkan kepada Bank secara bertulis dan ditandatangani, dan Pemegang Akaun dan setiap Ahli Kad dengan ini membenarkan Bank untuk berbuat demikian.

13.3 Pemegang Akaun mesti menyemak setiap Penyata dan mesti memberitahu Bank tanpa berlengah dan secara bertulis dalam tempoh 14 hari dari tarikh Penyata tersebut dikeluarkan bagi mana-mana Caj yang tidak dibenarkan yang timbul daripada walau apa-apa sebab sekalipun, termasuk pemalsuan, fraud, tiada kebenaran atau kecuaian Pemegang Akaun, mana-mana Ahli Kad atau mana-mana Orang lain. Selepas tempoh tersebut, Penyata hendaklah dianggap sebagai bukti yang betul dan muktamad bagi baki Akaun Kad yang berkenaan. Tuntutan yang bertentangan oleh Pemegang Akaun atau mana-mana Ahli Kad lain tidak dibenarkan terhadap Bank kecuali mana-mana Caj yang tidak dibenarkan itu timbul daripada mana-mana yang berikut;

(a) apa-apa urus niaga yang tidak dibenarkan yang timbul daripada pemalsuan atau fraud oleh mana-mana pihak ketiga termasuk mana-mana pekerja, ejen atau kakitangan Pemegang Akaun dan Ahli Kad dan yang berhubung dengannya Bank gagal melaksanakan penjagaan dan kemahiran yang munasabah;

(b) urus niaga yang tidak dibenarkan yang timbul daripada pemalsuan atau fraud oleh mana-man pekerja, ejen atau kakitangan Bank; atau

(c) urus niaga lain yang tidak dibenarkan yang timbul daripada keingkaran sengaja atau kecuaian melampau di pihak Bank atau mana-mana pekerja, ejen atau kakitangannya.

13.4 Apabila Pemegang Akaun atau Ahli Kad melaporkan urus niaga yang tidak dibenarkan selepas Tarikh Bayaran Perlu Dibayar, Pemegang Akaun atau Ahli Kad tersebut boleh memberikan permohonan bertulis kepada Bank supaya menangguhkan obligasi untuk membuat bayaran amaun yang dipertikaikan dalam tempoh penyiasatan oleh Bank dan memohon supaya apa-apa caj kewangan digantung bagi amaun yang dipertikaikan itu semasa di bawah pertikaian oleh Bank. Bank boleh (tetapi tidak akan diwajibkan untuk) mempertimbangkan permohonan tersebut dengan syarat (1) urus niaga yang tidak dibenarkan itu dilaporkan kepada Bank dengan segera apabila perkara yang sama itu dikesan dan (2) Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad tidak bertindak secara fraud dan (3) Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad memberikan kerjasama dan bantuan penuhnya kepada Bank dalam menjalankan penyiasatan dan proses mendapatkan kembali bayaran amaun. Walau bagaimanapun, jika laporan yang dibuat oleh Pemegang Akaun atau Ahli Kad tersebut akhirnya dibuktikan sebagai tidak berasas atau jika penyiasatan itu mendedahkan Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad terlibat dalam menyebabkan apa-apa urus niaga tidak dibenarkan, Bank berhak mengenakan semula caj kewangan ke atas amaun yang dipertikaikan itu bagi sepanjang tempoh, termasuk tempoh penyiasatan, dan Bank berhak melevikan apa-apa jenis caj (yang hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada fi penyiasatan dan semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank dalam menjalankan penyiasatan itu) yang dianggap wajar dan sesuai oleh Bank terhadap Ahli Kad. Tempoh bagi apa-apa tempoh penyiasatan hendaklah atas budi bicara Bank yang berkaitan dengan urus niaga yang tidak dibenarkan itu (tetapi tidak lebih daripada 14 hari kecuali dalam keadaan yang di luar kawalan Bank), dan Ahli Kad dan Pemegang Akaun tersebut hendaklah mengikut arahan Bank dan bekerjasama penuh dengan Bank berhubung dengan apa-apa penyiasatan tertentu yang berkaitan dengan amaun yang dipertikaikan. Bagi mengelakkan keraguan, dapatan Bank dalam mana-mana penyiasatan yang dijalankan berhubung dengan Kad dan/atau Akaun hendaklah muktamad, terakhir dan mengikat Ahli Kad dan walau bagaimanapun,ia tidak boleh dibuka untuk soal siasat.

13.5 Apa-apa Penyata Akaun Kad atau notis atau apa-apa pindaan kepada Perjanjian ini yang dihantar oleh Bank kepada Ahli Kad utama hendaklah dianggap sebagai telah dihantar dan diterima oleh Ahli Kad tambahan pada masa yang sama.

**14. Hak Bank**

14.1 Tiada apa-apa dalam Perjanjian ini boleh menjejaskan hak Bank untuk menolak selesai, memindah dan menggunakan wang menurut undang-undang atau menurut mana-mana perjanjian lain dari semasa ke semasa yang wujud antara Bank dengan mana-mana Orang.

14.2 Apa-apa kredit yang akan diberikan berhubung dengan Caj akan digunakan oleh Bank kepada Akaun Bank yang berkenaan hanya selepas penolakan apa-apa kos (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos kutipan dan kiriman) jika ada, yang ditanggung oleh Bank untuk menggunakan kredit tersebut.

14.3 Bank berhak (tetapi tidak wajib di sisi undang-undang):-

(a) untuk melaksanakan apa-apa arahan yang diberikan oleh mana-mana Orang untuk membuat apa-apa bayaran bagi jumlah perlu dibayar di bawah Perjanjian ini daripada akaun lain dengan Bank.

(b) untuk menolak selesai atau memindahkan apa-apa wang daripada walau apa-apa jenis sekalipun yang terdapat dalam buku Bank kepada kredit Pemegang Akaun, sama ada berseorangan atau bersama dengan yang lain dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau apa-apa mata wang lain dalam atau untuk menjelaskan jumlah amaun yang didebitkan ke dalam Akaun Kad; dan

(c) untuk menolak selesai atau memindahkan apa-apa wang daripada walau apa-apa jenis sekalipun yang terdapat dalam buku Bank kepada kredit Ahli Kad, sama ada berseorangan atau bersama dengan yang lain dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau apa-apa mata wang lain dalam atau untuk menjelaskan jumlah amaun Caj dalam Akaun Kad yang berpunca daripada penggunaan Kad yang dibuatnya sendiri.

Untuk tujuan menolak selesai dana dalam apa-apa mata wang selain Ringgit Malaysia, Bank boleh menukar mata wang ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran lazim yang ditentukan oleh Bank pada masa penukaran. Jika Bank melaksanakan haknya di bawah Fasal 14.3(b) dan 14.3(c) ini, ia perlu terlebih dahulu memberikan notis tujuh (7) hari kepada Pemegang Akaun atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Ahli Kad yang berkaitan dengan pelaksanaan hak itu.

14.4 Bank berhak memeriksa kedudukan kredit Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad pada bila-bila masa sebagaimana dan apabila dianggapnya wajar dan sesuai tanpa merujuk Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad.

14.5 Bank berhak melantik ejen untuk pelbagai perkhidmatan seperti yang dianggap wajar dan sesuai oleh Bank yang hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada pemprosesan Kad atau pungutan semua jumlah perlu dibayar dan tertakluk kepada 18, Bank berhak mendedahkan kepada ejen tertentu semua maklumat berkaitan bagi Kad untuk memudahkan perkhidmatan diberikan oleh ejen tersebut yang memihak kepada Bank. Bank akan terlebih dahulu memberikan notis tujuh (7) hari kepada Pemegang Akaun jika agensi pemungut hutang pihak ketiga dilantik untuk memungut jumlah yang diperlu dibayar.

14.6 Bank berhak menjual mana-mana pinjaman tidak berbayar kepada pihak ketiga.

**15. Tanggung Rugi**

Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad hendaklah melepaskan kami dan menanggung rugi Bank terhadap apa-apa liabiliti bagi apa-apa kerugian, ganti rugi, kos dan perbelanjaan (kos guaman atau termasuk kos berasaskan peguam cara dan klien) yang mungkin ditanggung oleh Bank oleh sebab peruntukan yang terkandung dalam dokumen ini atau dalam penguatkuasaan hak Bank menurut dokumen ini.

**16. Pengecualian dan Batasan Liabiliti**

16.1 Bank tidak mempunyai walau apa-apa liabiliti sekalipun kepada Pemegang Akaun atau mana-mana Ahli Kad berhubung dengan apa-apa kerugian atau ganti rugi yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:-

(a) apa-apa kekurangan pada apa-apa barangan atau perkhidmatan yang dibayar dengan menggunakan Kad atau apa-apa tuntutan atau aduan oleh Ahli Kad terhadap pembekal bagi barangan atau perkhidmatan tersebut, atau apa-apa pertikaian antara Ahli Kad dengan mana-mana pembekal tersebut. Bagi mengelakkan keraguan, setiap Ahli Kad dan Pemegang Akaun hendaklah terus bertanggungan penuh terhadap apa-apa Caj yang ditanggung berhubung dengan barangan atau perkhidmatan yang berkaitan. Dengan menandatangani baucar atau laporan urus niaga atau memasukkan PIN atau nombor pengenalan atau kata laluan lain di kemudahan perbankan elektronik atau Internet, Ahli Kad menunjukkan penerimaannya bahawa amaun urus niaga itu adalah betul;

(b) penolakan mana-mana Orang, ATM, terminal titik jualan, terminal komputer lain, laman web Internet atau apa-apa peranti telekomunikasi untuk meluluskan atau menerima Kad;

(c) kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 13.3 di atas dan dalam Fasal 16.2 (a) di bawah, Caj yang disebabkan oleh selain Ahli Kad;
(d) tertakluk kepada Fasal 16.2(a) dan 17.5 di bawah, akses kepada penggunaan Kad dan/atau perkhidmatan oleh Ahli Kad atau mana-mana orang lain sama ada dibenarkan atau tidak;
(e) ketidakmampuan Bank untuk melaksanakan apa-apa arahan Ahli Kad disebabkan keadaan pasaran semasa atau sebab lain yang di luar kawalan dan bukan dianggap berpunca daripada apa-apa keingkaran atau kecuaian Bank;
(f) ketidaktepatan dalam apa-apa maklumat atau data yang disediakan oleh Pemegang Akaun atau Ahli Kad yang disimpan dalam Kad yang mengandungi peranti yang boleh menyimpan data atau maklumat atau kehilangan maklumat atau data tersebut disebabkan kecuaian Pemegang Akaun atau Ahli Kad;
(g) pelaksanaan oleh Bank tentang haknya untuk meminta dan memperoleh penyerahan Kad sebelum tarikh tamat tempoh yang dicetak timbul pada muka depan Kad, sama ada permintaan dan penyerahan itu dibuat dan/atau diperoleh oleh Bank atau oleh mana-mana Orang atau terminal komputer lain;
(h) pelaksanaan oleh Bank tentang haknya (i) untuk mengubah, menggantung atau menarik balik apa-apa kemudahan, perkhidmatan atau manfaat dari semasa ke semasa yang disediakan berhubung dengan Kad menurut Fasal 20.3 di bawah, (ii) untuk meminda had kredit (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa had pendahuluan tunai atau had amaun Pindahan Baki) yang terpakai kepada Kad atau Akaun Kad menurut Fasal 20.4 di bawah, atau (iii) untuk menamatkan Kad atau Akaun Kad menurut Fasal 21 di bawah;
(i) apa-apa kerosakan pada ciri kredit dan reputasi Pemegang Akaun atau mana-mana Ahli Kad yang berkaitan dengan atau yang disebabkan oleh pemilikan semula Kad, apa-apa permohonan untuk mengembalikannya atau penolakan mana-mana Orang untuk meluluskan atau menerima Kad sama ada diarahkan oleh Bank atau tidak;
(j) apa-apa tindakan fraud, pemalsuan atau kecuaian melampau oleh Ahli Kad atau mana-mana Orang lain (yang bukan sebagai pekerja, ejen atau kakitangan Bank), termasuk (tanpa had) kegagalan Ahli tersebut mematuhi Fasal 10 dan 17.1 atau mengikut apa-apa saranan lain oleh Bank dari semasa ke semasa berhubung dengan keselamatan dan kerahsiaan Kad dan PIN;
(k) apa-apa tindakan atau pengabaian mana-mana pihak ketiga (selain ejen Bank) yang melaluinya kemudahan untuk Ahli atau Pemegang Akaun boleh disediakan, dengan syarat Bank telah melaksanakan penjagaan dan kemahiran yang munasabah berkaitan dengan urusannya dengan pihak ketiga tersebut; atau
(l) apa-apa ganti rugi bagi atau kerugian atau ketidakmampuan untuk memperoleh semula apa-apa data atau maklumat yang mungkin disimpan dalam Kad atau apa-apa mikrocip atau litar atau peranti dalam Kad.

16.2 Dengan syarat Ahli Kad tidak bertindak secara penipuan atau dengan kecuaian melampau, Ahli Kad dan Pemegang Akaun tersebut tidak bertanggungan terhadap kerugian yang ditanggung:
(a) apabila arahan Urus Niaga Kad yang dilaksanakan oleh Bank diberikan melalui penggunaan Kad sebelum Ahli Kad atau Pemegang Akaun menerima Kad, atau diberikan melalui penggunaan kad yang hilang, dicuri atau dipalsukan selepas Bank menerima notis wajar tentang kehilangan atau kecurian Kadnya atau PIN diketahui atau mungkin diketahui oleh mana-mana Orang lain daripada Ahli Kad tersebut melalui Talian Penting menurut Fasal 10.3 atau 17.1 (mengikut mana-mana yang berkenaan) atau melalui apa-apa cara lain yang diterima oleh Bank (dengan syarat dalam kes kad hilang atau dicuri, Ahli Kad hendaklah bertindak menurut Fasal 17.1 dan 17.2 di bawah); atau
(b) secara langsung akibat kesilapan dalam mana-mana ATM atau kemudahan lain yang tidak ketara atau tidak diberitahu melalui mesej atau notis pada paparan atau selainnya yang menarik perhatian Ahli Kad tersebut.

16.3 Jika apa-apa prosiding yang boleh diambil oleh Ahli Kad dan/atau Pemegang Akaun terhadap Bank atas walau apa-apa sebab sekalipun, Ahli Kad dan/atau Pemegang Akaun tersebut bersetuju bahawa liabiliti Bank tidak boleh melebihi amaun yang tersalah caj kepada Akaun Kad (dan faedah ke atas amaun tersebut).

**17. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit dan Pendedahan PIN kepada Orang yang tidak dibenarkan**

17.1 Ahli Kad hendaklah membuat laporan kepada Bank (melalui Talian Penting) diikuti dengan pengesahan bertulis kepada Bank berserta dengan salinan laporan polis seberapa segera dan semunasabah yang mungkin apabila menemui apa-apa Kad yang hilang atau dicuri atau apa-apa PIN yang hilang, dicuri

atau urus niaga yang tidak dibenarkan telah berlaku atau didedahkan kepada pihak ketiga yang digunakan berkaitan dengan apa-apa pendahuluan tunai atau fungsi atau kemudahan ATM yang digabungkan ke dalam Kad.

17.2 Ahli Kad dan/atau Pemegang Akaun tidak bertanggungan terhadap apa-apa Caj yang tidak dibenarkan yang ditanggung selepas Bank menerima notis wajar tentang kehilangan atau kecurian Kadnya atau urus niaga yang tidak dibenarkan telah berlaku atau PIN diketahui atau mungkin diketahui oleh mana-mana Orang lain daripada Ahli Kad tersebut melalui Talian Penting menurut Fasal 10.3 atau 17.1 (mengikut mana-mana yang berkenaan) atau melalui apa-apa cara lain yang diterima oleh Bank, dengan syarat (1) Ahli Kad dan/atau Pemegang Akaun tersebut tidak bertindak secara fraud atau dengan kecuaian melampau dan (2) Ahli Kad dan/atau Pemegang Akaun tersebut telah membantu dan bekerjasama dengan Bank dalam penyiasatan dan proses mendapatkan kembali bayaran amaun.

17.3 Apabila Kad menggabungkan kemudahan yang membolehkan Kad itu digunakan untuk mengakses akaun bank Ahli Kad dengan Bank, Ahli Kad tersebut hendaklah juga melaporkan kecurian atau kehilangan Kad itu seberapa segera dan semunasabah yang mungkin kepada Bank melalui talian penting kehilangan kad Bank 24 jam atau apa-apa cara lain yang diterima oleh Bank menurut terma dan syaratnya yang mengawal kemudahan tersebut dari semasa ke semasa.

17.4 Ahli Kad hendaklah memberikan, kepada Bank, semua maklumat penting tentang keadaan bagi kehilangan atau kecurian Kad itu atau pendedahan PIN dan mengambil semua langkah yang munasabah untuk membantu Bank mendapatkan kembali apa-apa kerugian yang ditanggung itu.

17.5 Jika Bank dapat membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa Ahli Kad melakukan penipuan atau gagal memaklumkan kepada Bank dengan semunasabahnya apabila mendapati kad itu hilang atau dicuri, urus niaga yang tidak dibenarkan telah berlaku atau nombor PIN telah dikompromi, liabiliti Ahli Kad untuk transaksi yang tidak dibenarkan itu adalah tidak terhad.

17.6 Liabiliti mana-mana Ahli Kad terhadap Bank untuk apa-apa urus niaga yang tidak dibenarkan di bawah akaun bank bagi Ahli Kad tersebut dengan Bank sebelum penyampaian notis di bawah fasal 17.3 akan ditentukan menurut terma dan syarat Bank berhubung dengan akaun bank tersebut yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

**18. Pendedahan Data Peribadi**

18.1 Bagi membolehkan Bank mempertimbangkan sama ada hendak memberikan Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad dengan (a) apa-apa produk atau perkhidmatan yang berkaitan kewangan, insurans, kad kredit, akaun perbankan; (b) program ganjaran, kesetiaan, keistimewaan dan produk atau perkhidmatan yang berkaitan; dan (c) perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh rakan kongsi penjenamaan bersama Bank (secara kolektifnya “perkhidmatan”) Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad dikehendaki membekalkan, kepada Bank dari semasa ke semasa, butiran dan maklumat peribadi Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad berhubung dengan apa-apa akaun Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad yang ada dengan Bank dan apa-apa urus niaga dan urusan Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad dengan atau melalui Bank (“Data Peribadi”) dan kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan Bank tidak dapat menyediakan perkhidmatan tersebut. Data Peribadi akan digunakan untuk mempertimbangkan permohonan Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad dan tertakluk kepada persetujuan Bank untuk menyediakan perkhidmatan tersebut, Data Peribadi itu akan digunakan bagi tujuan yang dinyatakan dalam Fasal 18.2 dan 18.3 di bawah.

18.2 Tertakluk kepada Fasal 18.4, Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh menggunakan, menyimpan, mendedahkan, memindahkan, mengumpul, memadankan, mendapatkan dan/atau menukar (semuanya sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia) Data Peribadi itu, daripada atau dengan mana-mana orang seperti yang dianggap perlu oleh Bank, termasuk tanpa had:

(a) mana-mana ahli Kumpulan ICBC yang (i) menyediakan semakan pengurusan kumpulan Bank dan/atau sokongan global atau serantau (ii) menjalankan perniagaan dalam industri perkhidmatan kewangan, atau (iii) penyedia bagi perkhidmatan kepada ahli lain dalam Kumpulan ICBC;
(b) mana-mana penyedia perkhidmatan atau pihak ketiga;
(c) mana-mana bank, syarikat kad kredit atau kad caj atau saudagar dalam siasatan kad kredit atau kad caj;
(d) mana-mana organisasi pengumpul atau pemproses maklumat yang menjalankan kajian atau analisis atau membangunkan aplikasi sistem bagi pihak Bank;
(e) Visa International atau Kumpulan Syarikat Visa;
(f) mana-mana orang atau organisasi yang terlibat dalam menghantar atau menyampaikan apa-apa komunikasi ke alamat Ahli Kad yang terakhir yang diketahui mengikut rekod kami;

(g) mana-mana biro kredit atau agensi rujukan kredit yang ditubuhkan oleh mana-mana pihak berkuasa lain;
(h) mana-mana ejen pungutan hutang yang boleh dilantik oleh Bank;
(i) mana-mana institusi kewangan pihak ketiga, syarikat insurans, syarikat kad kredit, penyedia perkhidmatan sekuriti dan pelaburan, penyedia program ganjaran, kesetiaan atau produk pihak ketiga dan/atau rakan kongsi penjenamaan bersama Bank;

untuk apa-apa dan semua tujuan termasuk tanpa had:

i. berhubung dengan perkhidmatan tertentu dan/atau berhubung dengan pemadanan untuk apa sahaja tujuan sekalipun (sama ada dengan pertimbangan untuk mengambil apa-apa tindakan bertentangan terhadap Ahli Kad atau tidak) apa-apa Data Peribadi tertentu dengan Data Peribadi tentang Ahli Kad dalam milik Bank; dan/atau
ii. berhubung dengan operasi Akaun Kad (termasuk semakan kredit); dan/atau
iii. untuk tujuan penambahbaikan dan pelanjutan peruntukan perkhidmatan lain oleh Bank, mana-mana ahli Kumpulan ICBC dan/atau rakan kongsi penjenamaan bersama bagi Bank kepada Ahli Kad secara umum; dan/atau
iv. untuk tujuan pencegahan fraud atau jenayah, audit dan pungutan hutang dan supaya perkhidmatan itu boleh diproses untuk Bank; dan/atau
v. untuk tujuan penyiasatan, pelaporan, pencegahan atau berkaitan dengan pelaburan wang haram, pembiayaan pengganas dan aktiviti jenayah secara umum; dan/atau
vi. untuk tujuan apa-apa proses undang-udang yang dimulakan oleh atau disampaikan kepada, Bank (sama ada Bank menjadi pihak atau tidak); dan/atau
vii. apa-apa tujuan lain dan kepada mana-mana orang seperti yang mungkin menurut dasar am Bank tentang privasi dan pendedahan Data Peribadi seperti yang dinyatakan dalam penyata, surat pekeliling, notis atau terma dan syarat lain yang disediakan oleh Bank kepada Ahli Kad dari semasa ke semasa.

18.3 Bergantung kepada jenis data, termasuk tetapi tidak terhad kepada Data Peribadi dan maklumat berkaitan dengan akaun Ahli Kad, dan di mana ia disimpan, Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad berhak mengetahui butiran (termasuk salinan) maklumat yang disimpan oleh Bank tentang Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad dan meminta Bank membetulkan apa-apa ketidaktepatan. Bank boleh mengenakan fi untuk penyediaan apa-apa data. Permohonan untuk maklumat lanjut boleh dialamatkan kepada:

Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
Aras 10 Menara Maxis
Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur.

18.4 Tanpa menyentuh keumuman peruntukan yang disebut di atas, Bank mengaku bahawa;

(a) ia tidak akan mendedahkan maklumat Ahli Kad kepada pihak ketiga (selain Kumpulan ICBC) tanpa mendapatkan kebenaran Ahli Kad, kecuali dibenarkan di sisi undang-undang atau diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.
(b) ia tidak akan mendedahkan maklumat Ahli Kad kepada Kumpulan ICBC untuk tujuan jualan silang jika pendedahan itu dibantah oleh Ahli Kad;
(c) ia hanya akan mendedahkan maklumat Ahli Kad (tidak termasuk maklumat yang berkaitan dengan urusan dan tingkah laku Ahli Kad) kepada pihak ketiga, termasuk Kumpulan ICBC untuk tujuan hubungan strategik, pemasaran dan promosi, hanya jika Ahli Kad telah memilih dan bersetuju secara nyata dengan pendedahan tersebut. Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad boleh, pada bila-bila masa selepas itu, memilih untuk tidak menerima maklumat pemasaran secara langsung. Dalam kes ini, Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad hendaklah memaklumkan Bank secara bertulis kepada jabatan Kad Kredit di:

Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
Aras 10 Menara Maxis
Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur

dengan permohonan Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad dan Bank akan menghapuskan nama Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad daripada senarai mel pemasaran tanpa caj.

**19. Pemindahan, Penyerahan Hak dan Pemberian Subkontrak**

Bagi mengelakkan keraguan, Bank boleh, pada bila-bila masa memindahkan, menyerah hak dan mewakilkan atau mensubkontrakkan apa-apa atau semua hak atau obligasinya di bawah Perjanjian ini kepada mana-mana Orang tanpa memberikan notis kepada Pemegang Akaun atau mana-mana Ahli Kad terlebih dahulu.

Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad tidak boleh memindahkan, menyerah hak, mewakilkan atau mensubkontrakkan apa-apa atau semua hak atau obligasinya di bawah Perjanjian ini.

**20. Pindaan**

20.1 Perjanjian ini dan apa-apa fi, caj, kadar faedah dan kadar caj yang kena dibayar atau yang terpakai di bawah Perjanjian ini boleh diubah, disemak, ditukar pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa melalui notis (kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 20.3 di bawah) daripada Bank kepada Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad. Apabila apa-apa pindaan tersebut dalam kawalan Bank, 21 hari notis sebelum pindaan itu menjadi berkuat kuasa akan terlebih dahulu diberikan oleh Bank kepada Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad.

20.2 Jika Pemegang Akaun atau Ahli Kad tidak menerima pindaan tersebut, dia hendaklah memberikan notis bertulis kepada Bank sebelum tarikh kuat kuasa pindaan, menamatkan penggunaan Kad dan, jika wajar, Akaun Kad dan mengembalikan kepada Bank Kadnya yang dipotong dua atau dirosakkan. Apa-apa baki debit pada Akaun Kad hendaklah dibayar sepenuhnya pada masa itu. Jika Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad menggunakan Kadnya atau menyimpan Kad selepas tarikh kuat kuasa pindaan, Pemegang Akaun dan Ahli Kad itu hendaklah dianggap sebagai telah bersetuju dengan pindaan tersebut dalam semua hal tanpa keraguan.

20.3 Apabila terdapat apa-apa perubahan dalam keadaan yang di luar kawalan Bank dan yang menyebabkan pengeluaran notis kepada Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad terlebih dahulu tidak munasabah/tidak dapat dilaksanakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan penggunaan Kad secara fraud/yang menyalahi undang-undang dikesan atau apabila Bank menerima arahan daripada badan kehakiman atau pihak berkuasa lain untuk menggantung/menarik balik apa-apa kemudahan, perkhidmatan atau manfaat dari semasa ke semasa yang disediakan berhubung dengan Kad tanpa notis.

20.4 Bank boleh, pada bila-bila masa meminda had kredit (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa had pendahuluan tunai dan apa-apa had Pindahan Baki) yang terpakai kepada Kad atau Akaun Kad, dan pindaan itu akan berkuat kuasa selepas 3 hari kerja dari tarikh notis bertulis kepada Pemegang Akaun.

20.5 Bank akan memberikan notis bagi apa-apa pindaan yang dirujuk dalam Fasal 20 ini (kecuali Fasal 20.3) dalam apa-apa bentuk sama ada bertulis, dalam Penyata atau melalui paparan di cawangannya, iklan akhbar, atau di laman webnya atau bentuk lain yang tertentu seperti yang dianggap wajar dan sesuai oleh Bank, yang menyatakan tarikh pindaan tersebut berkuat kuasa.

**21. Penamatan**

21.1 Tertakluk kepada notis terdahulu yang diberikan (apabila berkenaan) di bawah Perjanjian ini, Bank boleh menarik balik Kad dan/atau apa-apa perkhidmatan yang ditawarkan walaupun Bank mungkin telah mengetepikan hak kami bagi beberapa keadaan terdahulu apabila berlaku mana-mana satu atau lebih kejadian keingkaran yang berikut:-

(i) jika Ahli Kad gagal atau ingkar membayar apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar daripada Ahli Kad kepada Bank pada bila-bila masa di bawah Akaun Kad;

(ii) jika Ahli Kad bertanggungan terhadap Bank bagi mana-mana Akaun Bank Lain;

(iii) jika Ahli kad menggunakan Kad bagi Ahli Kad untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti aktiviti pertaruhan dan/atau perjudian dalam talian;

(iv) jika Ahli Kad melakukan atau mengugut untuk melakukan keingkaran atau melanggar mana-mana perjanjian, waad, ketetapan, terma atau syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini untuk dipatuhi dan dilaksanakan di pihak Ahli Kad;

(v) jika Ahli Kad meninggalkan Malaysia untuk menetap di tempat lain;

(vi) jika Ahli Kad meninggal dunia atau menjadi tidak siuman;

(vii) jika petisyen untuk kebankrapan dikemukakan atau perintah dibuat untuk apa-apa penghukuman dan/atau menerima perintah terhadap Ahli Kad;

(viii) jika Ahli Kad tidak dapat membayar hutang Ahli Kad apabila ia perlu dibayar atau menjadi tak mampu bayar;

(ix) jika distres atau pelaksanaan atau proses lain bagi bidang kuasa mahkamah kompeten dilevikan kepada atau dikeluarkan ke atas mana-mana harta Ahli Kad dan distres, pelaksanaan atau proses lain tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, masih tidak dipenuhi oleh Ahli Kad dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari perintah tersebut;

(x) apabila berkenaan, penerima akan dilantik berhubung dengan aset Ahli Kad atau mana-mana bahagiannya atau mesyuarat, sama ada rasmi atau tidak rasmi, akan dipanggil oleh pemberi kredit Ahli Kad atau salah seorang daripada mereka.

(xi) jika Ahli Kad membenarkan hutang penghakiman yang diperoleh terhadap Ahli Kad tidak dipenuhi bagi tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perintah (selain hutang penghakiman yang Ahli Kad memperoleh penangguhan pelaksanaan hukuman dan memfailkan Notis Rayuan dalam tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang);

(xii) jika Ahli Kad memberikan maklumat atau data palsu kepada Bank;

(xiii) jika lokasi Ahli Kad berada tidak diketahui oleh kami;

(xiv) jika pada pendapat mutlak Ahli Kad, Akaun Ahli Kad dan/atau Akaun Bank Lain tidak dikendalikan atau telah tidak dikendalikan dengan memuaskan;

(xv) jika Ahli Kad ingin menamatkan penggunaan Kad bagi Ahli Kad;

(xvi) jika berlaku kejadian atau wujud situasi yang akan atau mungkin, mengikut pendapat Bank, menjejaskan kemampuan Ahli Kad untuk melaksanakan obligasi di bawah Perjanjian ini;

(xvii) jika Bank boleh, menolak untuk mengeluarkan kad ganti atau membaharui Kad bagi Ahli Kad;

(xviii) jika Bank, memutuskan atau membatalkan atau menamatkan penggunaan Kad dengan memberikan apa-apa alasan padanya; atau

(xix) jika Ahli Kad menggunakan Kad untuk tujuan perniagaan dan/atau komersil yang dianggap oleh Bank sebagai tidak diterima untuk dilaksanakan dengan menggunakan Kad.

21.2 (a) Pemegang Akaun boleh, pada bila-bila masa memberikan notis munasabah secara bertulis kepada Bank atau melalui kaedah lain yang tertentu seperti yang dianggap sesuai oleh Bank untuk menamatkan Akaun Kad.

(b) Tertakluk kepada Fasal 21.2(c), notis tersebut tidak akan berkuat kuasa sehingga notis bertulis tersebut dan semua Kad (termasuk apa-apa Kad tambahan), yang sepatutnya dipotong dua atau dirosakkan, telah diterima oleh Bank.

(c) Berhubung dengan apa-apa Kad tambahan yang dikeluarkan kepada Ahli Kad, Pemegang Akaun hendaklah terus bertanggungan terhadap penggunaan Kad tersebut sehingga ia dikembalikan kepada Bank, atau Bank yang akan bertindak segera, boleh melaksanakan prosedur yang terpakai kepada Kad hilang jika Pemegang Akaun memohon sedemikian.

(d) Pemegang Akaun bersetuju bahawa dia akan bertanggungan terhadap apa-apa kos dan perbelanjaan yang timbul daripada pelaksanaan prosedur oleh Bank yang terpakai kepada kad Hilang menurut Fasal 21.2(c) di atas.

(e) Ahli Kad juga boleh memohon untuk pembatalan Kadnya melalui notis kepada Bank dengan Kad yang dikembalikan. Bagi mengelakkan keraguan, Kad tambahan boleh dibatalkan sama ada oleh Pemegang Akaun atau Ahli Kad Tambahan yang tertentu dengan memberikan notis bertulis yang munasabah kepada Bank dengan Kad yang dikembalikan, sepatutnya dipotong dua atau dirosakkan.

(f) Hak Ahli Kad untuk menggunakan Kad akan ditamatkan apabila berlaku penamatan Perjanjian ini menurut Fasal 21 ini.

(g) Tidak ada bayaran balik bagi apa-apa fi tahunan atau mana-mana bahagiannya akan dibuat kepada Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad.

21.3 Bank boleh pada bila-bila masa, dengan atau tanpa notis seperti yang akan ditentukan oleh Bank dalam keadaan tertentu, menamatkan Akaun Kad atau Kad tanpa memberikan apa-apa alasan. Bagi mengelakkan keraguan, ini termasuk apabila Bank diberitahu oleh Ahli Kad tentang PINnya diketahui atau mungkin diketahui oleh mana-mana Orang lain.

21.4 Apabila berlaku penamatan Akaun Kad (dan tanpa menyentuh apa-apa perjanjian terdahulu yang berlawanan antara Bank dengan Pemegang Akaun atau mana-mana Ahli Kad) atau apabila berlaku kematian atau kebankrapan Pemegang Akaun, jumlah penuh yang perlu dibayar kepada Bank seperti yang dinyatakan dalam Akaun Kad, dan amaun bagi apa-apa Caj yang ditanggung selepas penamatan menurut fasal 7.19, akan menjadi perlu dibayar dan kena dibayar oleh Pemegang Akaun dan, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh setiap Ahli Kad. Faedah akan terakru padanya selepas itu pada kadar tertentu seperti yang Bank boleh, dari semasa ke semasa memberitahu Pemegang Akaun dan Ahli Kad itu. Tertakluk kepada fasal 8 dan 11.3, Pemegang Akaun dan Ahli Kad hendaklah

bertanggungjawab ke atas semua Caj belum jelas berserta faedah di bawah Akaun Kad tanpa menyentuh penamatan Perjanjian ini.

21.5 Tanpa mengambil kira sama ada kejadian keingkaran yang disenaraikan dalam Fasal 21.1 berlaku atau tidak, apabila berlaku penamatan bagi penggunaan Kad walau atas apa-apa alasan sekalipun, semua baki belum jelas pada Akaun Kad akan menjadi perlu dibayar dan kena dibayar dengan segera kepada Bank dan semua wang yang didebitkan seterusnya ke dalam Akaun Kad selepas tarikh penamatan tersebut termasuk semua faedah, fi caj dan cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada CukaiPerkhidmatan) akan menjadi perlu dibayar dan kena dibayar apabila ia dimasukkan ke dalam Akaun Kad.

21.6 Jika Bank memperoleh penghakiman daripada mana-mana mahkamah untuk apa-apa jumlah yang terhutang di bawah Perjanjian ini, apa-apa faedah, caj kewangan, caj bayaran lewat atau apa-apa caj lain yang kena dibayar hendaklah terus kena dibayar dari tarikh penghakiman sehingga tarikh bayaran penuh bagi jumlah wang tersebut yang diputuskan itu supaya kena dibayar kepada Bank.

21.7 Jika Ahli Kad melanggar atau ingkar berhubung dengan Akaun Kad, ini akan menyebabkan Ahli Kad melanggar atau mengingkari mana-mana Akaun Kad lain dan/atau Akaun Bank Lain. Jika kami berhak menggunakan remedi berhubung dengan satu Akaun Kad, kami juga berhak selanjutnya menggunakan remedi tersebut bagi semua Akaun Kad dan/atau Akaun Bank Lain.

**22. Mesin Juruwang Automatik, Perkhidmatan Akaun Bank dan Kemudahan Lain**

22.1 Jika kemudahan yang digabungkan ke dalam Kad bagi membolehkan Kad tersebut digunakan di ATM, terminal titik jualan dan terminal komputer lain atau menjalankan urus niaga elektronik, penggunaan kemudahan tersebut juga akan dikawal oleh terma dan syarat khas yang dikeluarkan oleh Bank berkaitan dengan kemudahan itu yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

22.2 Jika kemudahan telah digabungkan ke dalam Kad bagi membolehkan Kad digunakan untuk mengakses akaun bank bagi Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad dengan Bank, terma dan syarat Bank yang mengawal akaun bank tersebut yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa akan terpakai kepada penggunaan Kad untuk tujuan ini.

22.3 Jika Bank memperkenalkan apa-apa produk, program, kemudahan atau perkhidmatan lain yang dipautkan atau berkaitan dengan atau berhubung dengan penggunaan Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada produk atau program yang menawarkan kadar promosi, kadar atau faedah terkurang, hari tanpa faedah, pembayaran balik ansuran atau terma khas lain seperti yang boleh dikenakan oleh Bank, dari semasa ke semasa bagi kategori urus niaga ke atas Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad melalui Kad, maka perkara yang sama itu juga akan dikawal oleh terma dan syarat tertentunya masing-masing yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Lebih daripada satu produk, program, kemudahan atau perkhidmatan khas boleh dikenakan ke atas Akaun Kad pada masa yang sama.

22.4 Selaras dengan komitmen Bank untuk menaikkan taraf perkhidmatan dan manfaat Kad, Bank boleh mengkaji dan menyemak apa-apa ciri dan manfaat yang disenaraikan dalam mana-mana brosur yang dicetak oleh Bank atau yang disiarkan dalam laman web Bank dari semasa ke semasa tanpa notis kepada Ahli Kad.

22.5 Jika terdapat apa-apa percanggahan antara terma dan syarat tertentu yang mengawal kemudahan ATM dan apa-apa produk, kemudahan atau perkhidmatan lain yang diperkenalkan oleh Bank dengan Terma dan Syarat ini, maka terma dan syarat tertentu bagi setiap kemudahan, produk atau perkhidmatan hendaklah digunakan.

**23. Penyatuan Akaun dan Tolak Selesai**

Selain apa-apa hak umum untuk menolak selesai atau hak lain yang diberikan oleh undang-undang ke atas Bank, Bank hendaklah, pada bila-bila masa, berhak untuk menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Ahli Kad dengan Bank, daripada walau apa jenis sekalipun dan terletak walau di mana sekalipun dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain dan menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah yang ada dalam kredit bagi mana-mana akaun tersebut termasuk akaun bersama dengan Ahli Kad tambahan dan akaun bersama dengan mana-mana orang lain dalam atau untuk menjelaskan semua jumlah yang perlu dibayar kepada kami di bawah mana-mana akaun Ahli Kad dengan Bank, daripada walau apa-apa jenis sekalipun dan terletak walau di mana sekalipun dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain, dan boleh berbuat demikian walau apa pun baki dalam akaun tersebut dan jumlah yang perlu dibayar tidak semestinya dinyatakan dalam mata wang yang sama, dan Ahli Kad dengan ini membenarkan Bank untuk melaksanakan penggabungan, penyatuan tersebut, menolak selesai atau memindahkan dengan

penukaran yang sesuai pada kadar pertukaran lazim Bank yang akan ditentukan oleh Bank. Bank akan memberikan notis 7 hari bagi apa-apa niat untuk menolak selesai yang dirujuk dalam Fasal 23.

**24. Akaun Digantung**

Bagi membolehkan Bank mengekalkan liabiliti mana-mana pihak termasuk Ahli Kad supaya tidak terjejas apabila writ atau saman telah dikeluarkan atau untuk membuktikan kebankrapan atau ketakmampuan bayar Ahli Kad atau atas apa-apa alasan lain yang dianggap sesuai oleh Bank, Bank boleh, pada bila-bila masa, tempat dan menyimpan bagi tempoh tertentu seperti yang difikirkan berhemat oleh Bank, apa-apa wang yang diterima, diperoleh semula atau direalisasikan menurut dokumen ini atau di bawah mana-mana sekuriti atau jaminan lain bagi kredit Ahli Kad seperti yang difikirkan wajar oleh Bank tanpa apa-apa obligasi perantaraan di pihak Ahli Kad untuk menggunakan wang yang sama atau mana-mana bahagiannya dalam atau untuk menjelaskan jumlah yang terhutang dan perlu dibayar kepada Bank.

**25. Notis**

25.1 Setiap Ahli Kad (selain Pemegang Akaun) boleh secara muktamad melantik Pemegang Akaun sebagai ejennya bagi tujuan penyampaian oleh Bank akan:

(a) Penyata, termasuk apa-apa notis (sama ada pada halaman depan atau halaman belakang Penyata) yang peruntukannya dibuat menurut Perjanjian ini;

(b) apa-apa permintaan, komunikasi atau notis lain yang dibuat atau diberikan oleh Bank menurut Perjanjian ini; dan

(c) proses undang-undang.

25.2 Apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Fasal 25.1 boleh disampaikan dengan menghantar atau menjadikannya tersedia (i) dengan tangan (ii) melalui pos biasa ke alamat Pemegang Akaun yang biasa atau yang terakhir yang diketahui, atau (iii) melalui faks, e-mel atau selainnya melalui Internet dan dokumen itu hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan sewajarnya selepas 3 hari dari tarikh diposkan atau disiarkan, kecuali dalam kes proses undang-undang, dokumen berkaitan tidak boleh disampaikan melalui faks, e-mel atau melalui Internet kecuali dibenarkan oleh undang-undang. Ahli Kad bersetuju bahawa apa-apa proses undang-undang atau dokumen lain boleh disampaikan dengan mengeposkan dokumen itu ke alamat Ahli Kad yang terakhir yang diketahui mengikut rekod Bank dan penyampaian itu hendaklah pada hari ketiga selepas diposkan, dianggap sebagai penyampaian yang sempurna dan memuaskan bagi proses atau dokumen tersebut.

25.3 Ahli Kad secara muktamad mengizinkan pengeposan Kad dan Perjanjian ini melalui pos berdaftar prabayar atau melalui perkhidmatan kiriman cepat ke alamat Pemegang Akaun yang terakhir yang diketahui mengikut rekod Bank dan Kad serta Perjanjian ini hendaklah dianggap sebagai telah diserahkan pada hari ketiga selepas diposkan.

25.4 Bank tidak bertanggungjawab terhadap kegagalan Pemegang Akaun atau Ahli Kad menerima Penyata atau komunikasi lain jika Bank telah menghantarnya ke alamat biasa atau yang terakhir yang diketahui, atau menurut maklumat hubungan lain untuk akaun yang terdapat dalam rekod Bank. Bank dibenarkan menangguhkan penyata atau komunikasi lain melalui pos jika surat terdahulu ke alamat Pemegang Akaun yang biasa atau yang terakhir yang diketahui dikembalikan kerana tidak dapat diserahkan disebabkan pertukaran alamat dan Pemegang Akaun tidak dapat dihubungi. Bagi perlindungan bersama, Pemegang Akaun mesti memberitahu Bank dengan segera apa-apa pertukaran alamat atau maklumat lain supaya rekod Bank sentiasa dikemas kini.

25.5 (a) Walau apa pun yang terkandung dalam Perjanjian ini, Bank diminta dan dibenarkan bertindak menurut dan bergantung pada apa-apa arahan atau notis atau komunikasi lain yang boleh atau yang dimaksudkan supaya diberikan atau disediakan melalui telefon, faks atau e-mel atau melalui Internet.

(b) Tertakluk kepada Fasal 25.5(c) di bawah, Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) bertindak ke atas apa-apa notis yang Bank dengan suci hati percaya semunasabahnya sebagai betul dan berpunca daripada Pemegang Akaun atau mana-mana Ahli Kad (mengikut mana-mana yang berkenaan).

(c) Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) mengesahkan identiti atau kuasa Orang yang memberikan atau bermaksud memberikan notis atau kesahan apa-apa notis yang diberikan melalui telefon, faks atau e-mel atau selainnya melalui Internet dan tanpa menghendaki pengesahan lanjut dalam apa-apa bentuk.

(d) Setiap Ahli Kad dan Pemegang Akaun mengaku janji untuk menanggung rugi Bank terhadap semua tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, ganti rugi kerugian, kos dan perbelanjaan termasuk semua fi guaman dan pembelanjaan yang munasabah yang dikemukakan terhadap atau yang ditanggung sewajarnya oleh Bank tersebut dan timbul daripada apa-apa sahaja yang dilakukan atau ditinggalkan menurut apa-apa panggilan telefon, faks atau e-mel atau notis Internet lain yang diterima oleh Bank tersebut, kecuali dalam kes fraud atau kecuaian Bank tersebut.

(e) Bank boleh menurut budi bicaranya (tetapi tidak diwajibkan) untuk merekodkan notis yang diberikan melalui telefon, secara bertulis dan/atau apa-apa kaedah lain yang ditentukan oleh Bank. Rekod Bank bagi apa-apa notis tersebut hendaklah muktamad dan mengikat Pemegang Akaun atau Ahli Kad yang notis itu telah diberikan atas namanya tanpa kesilapan yang nyata, fraud atau kecuaian. Bank juga boleh meminta Ahli Kad mengesahkan secara bertulis apa-apa arahan yang diberikan melalui telefon.

**26. Perbelanjaan Penguatkuasaan**

Pemegang Akaun dan, mengikut mana-mana yang berkenaan, setiap Ahli Kad hendaklah menanggung rugi Bank berhubung dengan apa-apa dan semua perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung sewajarnya oleh Bank dalam menguatkuasakan atau dalam usaha menguatkuasakan Perjanjian ini termasuk semua fi guaman dan pembelanjaan yang munasabah. Bank akan, apabila diminta, menyediakan Pemegang Akaun dan, mengikut mana-mana yang berkenaan, setiap Ahli Kad dengan pecahan semua perbelanjaan yang dia bertanggungan untuk membayarnya di bawah Fasal 26 ini.

**27. Masa menjadi Asas**

Masa hendaklah menjadi asas.

**28. Pelaksanaan Dokumen Tambahan**

Ahli Kad mengaku janji untuk menandatangani dokumen tambahan seperti yang mungkin diminta oleh Bank dari semasa ke semasa.

**29. Berlepas Meninggalkan Malaysia**

Jika Ahli Kad tidak akan berada di Malaysia untuk lebih daripada satu (1) bulan, Ahli Kad hendaklah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum berlepas, melunaskan amaun belum jelas di bawah Akaun Kad. Jika Ahli Kad hendak meninggalkan Malaysia untuk menetap di tempat lain, Ahli Kad hendaklah melunaskan amaun belum jelas di bawah Akaun Kad dan menghubungi Bank atau terlebih dahulu memberikan notis bertulis kepada Bank untuk pembatalan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum pemergian Ahli Kad. Peruntukan yang berkaitan dengan penamatan di atas hendaklah digunakan mulai dari sekarang dan Kad serta semua Kad Tambahan (jika ada) hendaklah dikembalikan kepada kami.

**30. Undang-undang dan Bahasa**

30.1 Perjanjian hendaklah ditafsirkan dan peruntukan bagi kemudahan Kad hendaklah dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan tertakluk kepada bidang kuasa tak eksklusif mahkamah Malaysia.

30.2 Apa-apa kelewatan atau kegagalan oleh Bank untuk melaksanakan hak dan/atau remedinya di bawah Perjanjian ini bukan merupakan penepian apa-apa hak Bank.

30.3 Jika, pada bila-bila masa, mana-mana terma dan syarat adalah atau menjadi salah di sisi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, dalam apa jua hal, keundangan, kesahan dan kebolehkuatkuasaan terma dan syarat yang selebihnya tidak akan terjejas.

30.4 Tiada apa-apa dalam Perjanjian ini boleh berkuat kuasa untuk mengecualikan atau mengehadkan apa-apa liabiliti bagi mana-mana pihak dalam Perjanjian ini, selagi pengecualian atau pengehadan itu dilarang oleh undang-undang Malaysia.

30.5 Perjanjian ini menggantikan apa-apa perjanjian, surat, surat-menyurat yang lain (lisan atau bertulis atau nyata atau tersirat) yang dibuat sebelum Perjanjian ini berhubung dengan perkara yang dibincangkan dalam Perjanjian ini dan membentuk seluruh Perjanjian antara kedua-dua pihak berhubung dengan perkara yang dibincangkan di sini. Terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini hendaklah menjadi asas bagi pembentukan kontrak antara Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad dengan Bank.

30.6 Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diterima.

**<u>Jadual</u>**

**Fi & Caj**

**i) FI TAHUNAN**

| **Jenis kad** | **Klasik (RM)** | **Emas (RM)** | **Platinum (RM)** |
|---|---|---|---|
| Utama | 75.00 | 150.00 | 330.00 |
| Tambahan | 35.00 | 75.00 | 165.00 |

**ii) PEMBAYARAN BALIK BULANAN MINIMUM**

a) 5% daripada baki belum jelas dalam akaun kad + 100% cukai perkhidmatan (jika ada) + 100% ansuran bulanan bagi Penukaran Baki Automatik (jika ada); atau RM50, yang mana lebih tinggi pada tarikh matang pembayaran.

**Penukaran Baki Automatik (ABC) adalah program kad kredit yang tersedia hanya untuk ahli kad yang layak untuk mendapatkan fleksibiliti kewangan dengan secara automatik menukar baki tertungak menjadi ansuran yang lebih kecil pada kadar faedah yang lebih rendah*

b) Tempoh Tanpa Faedah untuk Pembelian barangan dan/atau perkhidmatan ("Urus Niaga Runcit") :- Tempoh tanpa faedah 20 hari bagi semua Urus Niaga Runcit, dengan syarat semua baki belum jelas dalam Penyata bulanan terdahulu diselesaikan sepenuhnya dalam Tarikh Bayaran Perlu Dibayar.

**iii) FI PEMBAYARAN LEWAT**

Jika berlaku kegagalan untuk membuat Bayaran Minimum pada Tarikh Bayaran Perlu Dibayar, fi bayaran lewat sebanyak 1% daripada jumlah baki belum jelas pada tarikh penyata, tertakluk kepada fi minimum RM5 dan fi maksimum RM50 akan didebitkan ke dalam Akaun Kad.

**iv) FI PENDAHULUAN TUNAI**

Fi pendahuluan tunai sebanyak 5% daripada amaun pendahuluan tunai akan dicaj, tertakluk kepada minimum RM20.00.

**v) CAJ KEWANGAN**

a) Pembelian Runcit:

Caj Kewangan akan dikira pada asas harian selepas Tempoh Tanpa Faedah dengan syarat baki belum jelas yang dinyatakan dalam Penyata Ahli Kad yang terdahulu telah diselesaikan sepenuhnya pada Tarikh Bayaran Perlu Dibayar. Jika tidak, caj kewangan mengikut kadar bertingkat setiap bulan akan dilevikan ke atas semua Urus Niaga Runcit dari tarikh Urus Niaga Runcit direkodkan. Baki belum jelas akan dibawa ke hadapan daripada Penyata terdahulu dan caj kewangan akan dikenakan, bermula dari tarikh pengiraan caj kewangan masing-masing seperti yang dinyatakan di atas. Caj kewangan mungkin berubah bagi setiap akaun berdasarkan kebiasaan pembayaran balik Ahli Kad bagi tempoh 12 bulan yang lalu seperti di bawah:

| **Kebiasaan pembayaran Ahli Kad bagi tempoh 12 bulan yang lalu** | **Caj kewangan untuk bulan ke-13** |
|---|---|
| Bayaran tepat pada masa selama 12 bulan | 13.5% setahun |
| Bayaran tepat pada masa selama sama ada 10 atau 11 bulan | 16.0% setahun |
| Bayaran tepat pada masa kurang daripada 10 bulan atau tempoh kad kredit kurang daripada 13 bulan | 17.5% setahun |

b) Pendahuluan Tunai
Caj Kewangan akan dikira pada kadar 18% setahun daripada amaun pendahuluan tunai belum jelas pada asas harian daripada urus niaga pendahuluan tunai sehingga tarikh pembayaran balik penuh.

**vi) FI PENGGANTIAN KAD**
Apa-apa penggantian kad adalah tertakluk kepada Fi Penggantian Kad sebanyak RM50.

**vii) FI LEBIH HAD**
Fi lebih had sebanyak RM10.00 akan dikenakan pada setiap kejadian apabila kad bagi Ahli Kad melebihi had kredit yang ditetapkan untuk Ahli Kad.

**viii) FI PENUKARAN URUS NIAGA LUAR NEGARA**
Sila rujuk fasal 11.5.

**ix) FI PEROLEHAN SEMULA PENYATA BULANAN TAMBAHAN**
RM10.00 akan dikenakan bagi setiap penyata.

**x) FI PERMOHONAN PEROLEHAN SEMULA DRAF JUALAN**
RM15.00 akan dikenakan bagi setiap salinan yang dipohon.

**xi) FI PENGELUARAN TUNAI**
Fi pengeluaran sebanyak RM4.00 akan dikenakan untuk setiap urus niaga pengeluaran melalui rangkaian Perkongsian ATM-MEPS dan RM12.00 (untuk setiap pengeluaran melalui rangkaian luar negara).